

**D.R. 6/2010**

**RANG UNDANG-UNDANG SURUHANJAYA  
PERSAINGAN 2010**

---

**SUSUNAN FASAL**

---

**BAHAGIAN I**

**PERMULAAN**

Fasal

1. Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran

**BAHAGIAN II**

**PENUBUHAN SURUHANJAYA PERSAINGAN**

3. Penubuhan Suruhanjaya
4. Meterai perbadanan
5. Keanggotaan Suruhanjaya
6. Pemakaian Jadual
7. Akuan berkanun oleh anggota Suruhanjaya
8. Kelulusan untuk memegang jawatan lain
9. Tempoh jawatan
10. Saraan dan elaun
11. Pembatalan pelantikan dan peletakan jawatan
12. Pengosongan jawatan
13. Penjalanan sementara fungsi Pengerusi
14. Penubuhan Jawatankuasa
15. Penzahiran kepentingan

**BAHAGIAN III**

**FUNGSI DAN KUASA SURUHANJAYA**

16. Fungsi Suruhanjaya
17. Kuasa Suruhanjaya

Fasal

18. Arahan oleh Menteri
19. Penyata, laporan, akaun dan maklumat

#### BAHAGIAN IV

##### PERUNTUKAN YANG BERHUBUNGAN DENGAN PEKERJA SURUHANJAYA

20. Ketua Pegawai Eksekutif
21. Penjalanan sementara fungsi Ketua Pegawai Eksekutif
22. Pelantikan pekerja Suruhanjaya
23. Pinjaman, biasiswa dan wang pendahuluan
24. Pembayaran faedah persaraan, dsb.
25. Suruhanjaya boleh menerima pakai peraturan-peraturan, dsb.
26. Perlindungan kepada pegawai dan orang lain

#### BAHAGIAN V

##### KEWANGAN

27. Kumpulan Wang
28. Perbelanjaan yang hendaklah dipertanggungkan pada Kumpulan Wang
29. Pemeliharaan Kumpulan Wang
30. Perbelanjaan dan penyediaan anggaran
31. Akaun bank
32. Kuasa untuk meminjam
33. Pelaburan
34. Batasan untuk berkontrak
35. Tatacara kewangan
36. Tahun kewangan
37. Laporan tahunan

#### BAHAGIAN VI

##### AM

38. Pelantikan dan kuasa pegawai Suruhanjaya
39. Kerjasama dengan pihak berkuasa lain
40. Permulaan pendakwaan

Fasal

41. Pekhidmat awam
42. Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948
43. Obligasi kerahsiaan
44. Perwakilan dalam prosiding sivil
45. Kuasa untuk mengambil kerja
46. Perkara yang dilakukan pada menjangkakan Akta ini diperbuat
47. Kaedah penyiaran

JADUAL



## RANG UNDANG-UNDANG

*b e r n a m a*

Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi penubuhan Suruhanjaya Persaingan, untuk menyatakan kuasa dan fungsi Suruhanjaya itu, dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara yang berkaitan dan bersampingan dengannya.

[ ]

**DIPERBUAT** oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

## BAHAGIAN I

## PERMULAAN

**Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Suruhanjaya Persaingan 2010.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

**Tafsiran**

2. Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“anggota” ertinya Pengerusi dan mana-mana anggota Suruhanjaya yang dilantik di bawah seksyen 5;

“jawatankuasa” ertinya jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Suruhanjaya di bawah seksyen 14;

“Ketua Pegawai Eksekutif” ertinya Ketua Pegawai Eksekutif Suruhanjaya yang dilantik di bawah seksyen 20;

“Kumpulan Wang” ertinya Kumpulan Wang Suruhanjaya Persaingan yang ditubuhkan di bawah seksyen 27;

“Menteri” ertinya Menteri yang pada masa ini dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi perkara-perkara yang berkenaan dengan perdagangan dalam negeri dan hal ehwal pengguna;

“pegawai Suruhanjaya” ertinya seseorang yang dilantik atau diberi kuasa oleh Ketua Pegawai Eksekutif secara bertulis di bawah undang-undang persaingan bagi maksud menjalankan penyiasatan ke atas apa-apa kesalahan atau pelanggaran undang-undang persaingan;

“pekerja” ertinya mana-mana orang yang diambil kerja oleh Suruhanjaya di bawah seksyen 22 dan termasuklah Ketua Pegawai Eksekutif;

“Pengerusi” ertinya Pengerusi Suruhanjaya yang dilantik di bawah seksyen 5;

“Suruhanjaya” ertinya Suruhanjaya Persaingan yang ditubuhkan di bawah seksyen 3;

“undang-undang persaingan” ertinya Akta ini dan Akta Persaingan 2010 dan termasuklah mana-mana perundangan subsidiari yang dibuat di bawah undang-undang ini.

## BAHAGIAN II

### PENUBUHAN SURUHANJAYA PERSAINGAN

#### **Penubuhan Suruhanjaya**

**3.** (1) Suatu pertubuhan perbadanan yang dikenali sebagai “Suruhanjaya Persaingan” ditubuhkan.

(2) Suruhanjaya adalah kekal turun temurun dan mempunyai meterai perbadanan.

(3) Suruhanjaya boleh membawa guaman dan dibawa guaman terhadapnya atas namanya.

(4) Tertakluk kepada dan bagi maksud Akta ini, Suruhanjaya boleh, atas apa-apa terma yang difikirkan patut oleh Suruhanjaya—

(a) membuat kontrak; dan

(b) berkenaan dengan tiap-tiap jenis harta alih dan tak alih dan kepentingan mengenai harta alih dan tak alih—

(i) memperoleh, membeli dan mengambil harta dan kepentingan itu; dan

(ii) memegang, menikmati, memindahkan, menyerahkan, menyerahkan balik, memulangkan, menggadaikan, menggadai janji, mendemis, menyerahkan semula, memindahkan hakmilik, atau dengan apa-apa cara lain melupuskan, atau membuat apa-apa urusan mengenai, harta itu dan apa-apa kepentingan mengenai harta itu yang terletak hak pada Suruhanjaya.

### **Meterai perbadanan**

4. (1) Meterai perbadanan Suruhanjaya hendaklah mempunyai suatu peranti yang diluluskan oleh Suruhanjaya dan meterai itu boleh dari semasa ke semasa dipecahkan, ditukar, diubah dan dibuat baharu sebagaimana yang difikirkan patut oleh Suruhanjaya.

(2) Sehingga suatu meterai diadakan oleh Suruhanjaya, suatu cap yang mengandungi perkataan “Suruhanjaya Persaingan” bolehlah digunakan dan hendaklah disifatkan sebagai meterai perbadanan Suruhanjaya.

(3) Meterai perbadanan itu hendaklah disimpan dalam jagaan Pengerusi atau mana-mana orang lain yang diberi kuasa oleh Suruhanjaya, dan hendaklah ditentukan sama ada oleh Pengerusi atau oleh mana-mana orang lain itu yang diberi kuasa oleh Pengerusi secara bertulis.

(4) Segala surat ikatan, dokumen dan surat cara lain yang berupa sebagai dimeteraikan dengan meterai perbadanan itu dan ditentukan mengikut subseksyen (3), hendaklah, sehingga dibuktikan sebaliknya, disifatkan telah disempurnakan dengan sah.

(5) Apa-apa surat ikatan, dokumen dan surat cara lain yang, jika disempurnakan oleh seseorang yang bukan suatu pertubuhan perbadanan, tidak dikehendaki supaya dimeteraikan boleh disempurnakan mengikut cara yang serupa oleh seorang anggota Suruhanjaya atau mana-mana orang lain yang diberi kuasa oleh Suruhanjaya bagi pihak Suruhanjaya.

(6) Meterai perbadanan Suruhanjaya hendaklah diberi pengiktirafan rasmi dan kehakiman.

### **Keanggotaan Suruhanjaya**

**5.** (1) Suruhanjaya hendaklah terdiri daripada anggota yang berikut yang hendaklah dilantik oleh Perdana Menteri atas syor Menteri:

- (a) seorang Pengerusi;
- (b) empat orang anggota yang mewakili Kerajaan, seorang daripadanya hendaklah wakil Kementerian yang pada masa ini bertanggungjawab bagi perkara-perkara yang berkenaan dengan perdagangan dalam negeri dan hal ehwal pengguna; dan
- (c) tidak kurang daripada tiga tetapi tidak lebih daripada lima orang anggota lain, yang mempunyai pengalaman dan pengetahuan dalam perkara-perkara yang berhubungan dengan perniagaan, industri, perdagangan, undang-undang, ekonomi, pentadbiran awam, persaingan, perlindungan pengguna atau apa-apa kelayakan lain yang sesuai sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri.

(2) Pelantikan anggota Suruhanjaya hendaklah disiarkan dalam *Warta*.

### **Pemakaian Jadual**

**6.** (1) Jadual terpakai bagi anggota Suruhanjaya.

(2) Menteri boleh meminda Jadual melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*.

### **Akaun berkanun oleh anggota Suruhanjaya**

7. (1) Tiada seorang pun boleh dilantik sebagai anggota Suruhanjaya melainkan jika sebelum pelantikan sedemikian orang itu membuat suatu akaun berkanun tentang sama ada dia mempunyai apa-apa kepentingan, kewangan atau selainnya, dalam apa-apa pengusahaan komersial atau perdagangan.

(2) Jika seseorang anggota Suruhanjaya memperoleh apa-apa kepentingan, kewangan atau selainnya, dalam apa-apa pengusahaan komersial atau perdagangan, dia hendaklah, dalam tempoh satu bulan selepas pemerolehan itu, memberikan notis secara bertulis kepada Menteri yang menyatakan kepentingan yang telah diperoleh itu.

### **Kelulusan untuk memegang jawatan lain**

8. (1) Pengerusi tidak boleh, semasa memegang jawatan itu, memegang apa-apa jawatan atau pekerjaan lain, sama ada diberi saraan atau tidak, tanpa terlebih dahulu mendapat kelulusan bertulis Menteri.

(2) Tiada seorang pun boleh dilantik atau kekal sebagai anggota Suruhanjaya sekiranya dia memegang jawatan sepenuh masa dalam mana-mana syarikat tersenarai awam tanpa terlebih dahulu mendapat kelulusan bertulis Menteri.

### **Tempoh jawatan**

9. (1) Seseorang anggota Suruhanjaya hendaklah memegang jawatan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun.

(2) Seseorang anggota Suruhanjaya layak untuk dilantik semula tetapi tiada anggota boleh memegang jawatan lebih daripada dua penggal berturut-turut.

### **Saraan dan elaun**

10. (1) Pengerusi hendaklah dibayar apa-apa saraan dan elaun sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri, selepas berunding dengan Menteri Kewangan.

(2) Semua anggota lain Suruhanjaya hendaklah dibayar apa-apa elaun pada kadar yang ditentukan oleh Menteri, selepas berunding dengan Menteri Kewangan.

### **Pembatalan pelantikan dan peletakan jawatan**

**11.** (1) Pelantikan mana-mana anggota Suruhanjaya boleh, pada bila-bila masa, dibatalkan oleh Perdana Menteri jika perlu demi kepentingan pelaksanaan berkesan dan berekonomi fungsi Suruhanjaya.

(2) Pembatalan pelantikan di bawah subseksyen (1) hendaklah disokong dengan alasan secara bertulis.

(3) Mana-mana anggota Suruhanjaya boleh, pada bila-bila masa, meletakkan jawatannya melalui notis bertulis yang ditujukan kepada Perdana Menteri.

### **Pengosongan jawatan**

**12.** Jawatan seseorang anggota Suruhanjaya hendaklah menjadi kosong jika—

- (a) dia mati;
- (b) telah dibuktikan terhadapnya atau dia telah disabitkan atas, suatu pertuduhan berkenaan dengan—
  - (i) suatu kesalahan yang melibatkan fraud, kecurangan atau keburukan akhlak;
  - (ii) suatu kesalahan di bawah mana-mana undang-undang yang berhubungan dengan rasuah; atau
  - (iii) apa-apa kesalahan lain yang boleh dihukum dengan pemenjaraan (sama ada pemenjaraan sahaja atau sebagai tambahan kepada atau sebagai ganti denda) lebih daripada dua tahun;
- (c) kelakuannya, sama ada yang berkaitan dengan kewajipannya sebagai anggota Suruhanjaya atau selainnya, ialah kelakuan yang memburukkan atau mencemarkan nama Suruhanjaya;
- (d) dia menjadi bankrap;

- (e) dia tidak sempurna akal atau selainnya tidak berupaya untuk menunaikan kewajipannya;
- (f) dalam hal Pengerusi, dia tidak menghadiri mesyuarat Suruhanjaya sebanyak tiga kali berturut-turut tanpa kebenaran secara bertulis daripada Menteri;
- (g) dalam hal seseorang anggota Suruhanjaya selain Pengerusi, dia tidak menghadiri mesyuarat Suruhanjaya sebanyak tiga kali berturut-turut tanpa kebenaran secara bertulis daripada Pengerusi;
- (h) dia telah terlibat dalam apa-apa jawatan atau pekerjaan berbayar yang bercanggah dengan kewajipannya sebagai anggota Suruhanjaya;
- (i) dia telah bertindak melanggar undang-undang persaingan;
- (j) pelantikannya dibatalkan oleh Perdana Menteri; atau
- (k) peletakan jawatannya diterima oleh Perdana Menteri.

### **Penjalanan sementara fungsi Pengerusi**

**13.** (1) Tertakluk kepada subseksyen (2), Menteri boleh melantik secara sementara mana-mana anggota Suruhanjaya, selain Ketua Pegawai Eksekutif, untuk bertindak sebagai Pengerusi selama tempoh apabila—

- (a) jawatan Pengerusi kosong;
- (b) Pengerusi tidak hadir bertugas atau tidak ada di Malaysia; atau
- (c) Pengerusi, kerana apa-apa sebab lain, tidak dapat melaksanakan fungsinya.

(2) Sekiranya jawatan Pengerusi kosong selama enam bulan berturut-turut atau lebih, Perdana Menteri hendaklah melantik orang lain untuk menjadi Pengerusi mengikut Akta ini, dan dengan pelantikan itu, Pengerusi sebelumnya hendaklah terhenti daripada menjadi anggota Suruhanjaya.

**Penubuhan Jawatankuasa**

**14.** (1) Suruhanjaya boleh menubuhkan apa-apa jawatankuasa yang difikirkannya perlu atau suai manfaat untuk membantunya melaksanakan fungsinya di bawah undang-undang persaingan.

(2) Jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah subseksyen (1)—

(a) hendaklah dipengerusikan oleh mana-mana anggota Suruhanjaya;

(b) hendaklah menepati dan bertindak mengikut apa-apa arahan yang diberikan kepadanya oleh Suruhanjaya; dan

(c) boleh menentukan tatacaranya sendirinya.

(3) Anggota jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah subseksyen (1) boleh dilantik daripada kalangan anggota Suruhanjaya atau mana-mana orang lain sebagaimana yang difikirkannya patut oleh Suruhanjaya.

(4) Seseorang anggota jawatankuasa hendaklah memegang jawatan atas apa-apa syarat dan selama tempoh yang dinyatakan dalam surat pelantikannya dan layak untuk dilantik semula.

(5) Suruhanjaya boleh membatalkan pelantikan mana-mana anggota jawatankuasa.

(6) Seseorang anggota jawatankuasa boleh, pada bila-bila masa, meletakkan jawatan dengan memberikan notis secara bertulis kepada pengerusi jawatankuasa itu.

(7) Suruhanjaya boleh, pada bila-bila masa, memberhentikan atau mengubah keanggotaan sesuatu jawatankuasa.

(8) Jawatankuasa boleh mengadakan mesyuarat pentadbirannya pada bila-bila masa dan di mana-mana tempat yang ditentukan oleh pengerusi jawatankuasa itu.

(9) Sesuatu jawatankuasa boleh mengundang mana-mana orang untuk menghadiri mana-mana mesyuaratnya bagi maksud menasihatinya tentang apa-apa perkara yang sedang dibincangkan tetapi orang itu tidak berhak untuk mengundi pada mesyuarat itu.

(10) Anggota sesuatu jawatankuasa dan mana-mana orang yang diundang di bawah subseksyen (9) boleh dibayar apa-apa elaun dan belanja lain sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya.

### **Penzahiran kepentingan**

**15.** (1) Seseorang anggota Suruhanjaya atau mana-mana jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah seksyen 14 yang memperoleh suatu kepentingan secara langsung atau tidak langsung sama ada dengan sendirinya, menerusi anggota keluarganya atau menerusi sekutunya berhubung dengan apa-apa perkara yang sedang dibincangkan oleh Suruhanjaya atau jawatankuasa itu, hendaklah menzahirkan kepada Suruhanjaya atau jawatankuasa itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, hakikat kepentingannya dan jenis kepentingan itu.

(2) Penzahiran di bawah subseksyen (1) hendaklah direkodkan dalam minit mesyuarat Suruhanjaya atau jawatankuasa itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang dalamnya perkara itu dibincangkan dan, selepas penzahiran itu, anggota itu—

- (a) tidak boleh hadir atau mengambil bahagian dalam apa-apa pertimbangtelitian atau keputusan Suruhanjaya atau jawatankuasa itu, mengikut mana-mana yang berkenaan; dan
- (b) tidak boleh diambil dikira bagi maksud membentuk kuorum Suruhanjaya atau jawatankuasa itu, mengikut mana-mana yang berkenaan,

apabila perkara itu dibincangkan atau diputuskan.

(3) Seseorang anggota Suruhanjaya atau jawatankuasa yang tidak menzahirkan kepentingannya sebagaimana yang dikehendaki di bawah subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

(4) Tiada tindakan atau prosiding Suruhanjaya atau jawatankuasa boleh menjadi tidak sah atas alasan bahawa mana-mana anggota Suruhanjaya atau jawatankuasa telah melanggar seksyen ini.

(5) Bagi maksud seksyen ini—

“anggota keluarganya”, berhubungan dengan seseorang anggota Suruhanjaya atau jawatankuasa, termasuklah—

- (a) suami atau isterinya;
- (b) ibu atau bapanya (termasuk ibu atau bapa suami atau isterinya);
- (c) anaknya (termasuk anak angkat atau anak tiri);
- (d) adik-beradiknya (termasuk adik beradik suami atau isterinya); dan
- (e) suami atau isteri anaknya atau adik-beradiknya; dan

“sekutu”, berhubungan dengan seseorang anggota Suruhanjaya atau jawatankuasa, ertinya—

- (a) orang yang merupakan penama atau pekerja anggota itu;
- (b) firma yang anggota itu atau mana-mana penamanya merupakan seorang pekongsinya;
- (c) pekongsi anggota itu;
- (d) pemegang amanah sesuatu amanah yang di bawahnya anggota itu atau seorang anggota keluarganya ialah seorang benefisiari; atau
- (e) mana-mana perbadanan mengikut pengertian Akta Syarikat 1965 [*Akta 125*], yang anggota itu atau mana-mana penamanya atau seseorang anggota keluarganya ialah seorang pengarah atau mempunyai pemegangan syer yang substantial dalam perbadanan itu.

### BAHAGIAN III

#### FUNGSI DAN KUASA SURUHANJAYA

#### **Fungsi Suruhanjaya**

**16.** Suruhanjaya hendaklah mempunyai apa-apa fungsi yang dinyatakan di bawah undang-undang persaingan dan hendaklah juga mempunyai fungsi yang berikut:

- (a) menasihati Menteri atau mana-mana pihak berkuasa awam atau pihak berkuasa pengawalseliaan yang lain tentang segala perkara yang berkenaan dengan persaingan;

- (b) memberitahu Menteri tentang kesan anti-persaingan yang sebenar atau yang mungkin daripada perundangan semasa atau perundangan yang dicadangkan dan membuat syor kepada Menteri, jika sesuai, bagi mengelakkan kesan ini;
- (c) menasihati Menteri tentang perjanjian antarabangsa yang berkaitan dengan perkara persaingan dan undang-undang persaingan;
- (d) melaksanakan dan menguatkuasakan peruntukan undang-undang persaingan;
- (e) mengeluarkan garis panduan berhubung dengan pelaksanaan dan penguatkuasaan undang-undang persaingan;
- (f) bertindak sebagai penyokong bagi perkara persaingan;
- (g) menjalankan, sebagaimana yang difikirkannya sesuai, kajian am berhubung dengan isu-isu yang berkaitan dengan persaingan dalam ekonomi Malaysia atau sektor tertentu ekonomi Malaysia;
- (h) mengumpul maklumat bagi pelaksanaan fungsi Suruhanjaya;
- (i) menyiarkan, dan selainnya meningkatkan kesedaran di kalangan orang yang terlibat dalam perdagangan atau tred dan di kalangan orang awam, maklumat yang berkenaan dengan undang-undang persaingan dan cara yang mengikutnya Suruhanjaya akan menjalankan fungsinya di bawah undang-undang persaingan;
- (j) memberitahu dan mendidik orang awam tentang cara-cara bagaimana persaingan dapat memberi manfaat kepada pengguna di, dan ekonomi, Malaysia;
- (k) mempertimbangkan dan membuat syor kepada Menteri tentang pembaharuan kepada undang-undang persaingan; dan
- (l) menjalankan apa-apa aktiviti dan melakukan apa-apa benda yang perlu atau bermanfaat dan wajar bagi pentadbiran Suruhanjaya.

**Kuasa Suruhanjaya**

**17.** (1) Suruhanjaya hendaklah mempunyai kuasa untuk melakukan segala benda yang perlu atau suai manfaat bagi atau berkaitan dengan pelaksanaan fungsinya di bawah undang-undang persaingan.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (1), kuasa Suruhanjaya termasuklah kuasa—

- (a) untuk menggunakan semua harta alih dan harta tak alih Suruhanjaya mengikut apa-apa cara yang difikirkan suai manfaat oleh Suruhanjaya termasuk menggadaijanjikan harta itu bagi pemerdapatan pinjaman;
- (b) untuk mengenakan penalti bagi pelanggaran peruntukan undang-undang persaingan;
- (c) untuk mengenakan fi atau caj bagi perkhidmatan yang diberikan oleh Suruhanjaya;
- (d) untuk melantik mana-mana ejen, pakar atau perunding yang difikirkannya layak untuk membantu Suruhanjaya dalam pelaksanaan fungsinya;
- (e) untuk memberikan pinjaman, biasiswa dan wang pendahuluan kepada pekerja Suruhanjaya bagi apa-apa maksud dan atas apa-apa terma yang ditentukan oleh Suruhanjaya atau yang diluluskan oleh Menteri;
- (f) untuk membayar saraan, elaun dan apa-apa perbelanjaan lain anggota Suruhanjaya;
- (g) untuk merumuskan dan melaksanakan program bagi pelaksanaan fungsi Suruhanjaya dengan sewajarnya dan seberkesannya, termasuklah program bagi pembangunan sumber manusia, pembiayaan dan kerjasama;
- (h) untuk bekerjasama dengan mana-mana pertubuhan perbadanan atau agensi kerajaan bagi maksud melaksanakan fungsi Suruhanjaya;
- (i) untuk menghendaki pemberian maklumat oleh perusahaan bagi membantu Suruhanjaya dalam pelaksanaan fungsinya; dan
- (j) untuk melakukan apa-apa jua yang bersampingan dengan mana-mana fungsi dan kuasanya.

**Arahan oleh Menteri**

**18.** (1) Suruhanjaya hendaklah bertanggungjawab kepada Menteri.

(2) Menteri boleh, secara bertulis, memberi Suruhanjaya arahan yang bersifat am, yang selaras dengan peruntukan undang-undang persaingan, berhubung dengan pelaksanaan fungsi dan kuasa Suruhanjaya dan Suruhanjaya hendaklah melaksanakan arahan itu.

**Penyata, laporan, akaun dan maklumat**

**19.** (1) Suruhanjaya hendaklah memberi Menteri, dan mana-mana pihak berkuasa awam yang dinyatakan oleh Menteri, apa-apa penyata, laporan, akaun dan maklumat berkenaan dengan aktiviti dan kewangannya sebagaimana yang dikehendaki atau diarahkan oleh Menteri dari semasa ke semasa.

(2) Penyata, laporan, akaun dan maklumat itu hendaklah dalam apa-apa bentuk dan hendaklah mengandungi apa-apa maklumat yang berhubung dengan urusan dan dasar Suruhanjaya dan apa-apa perkara lain sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri dari semasa ke semasa.

**BAHAGIAN IV**

**PERUNTUKAN YANG BERHUBUNGAN DENGAN PEKERJA  
SURUHANJAYA**

**Ketua Pegawai Eksekutif**

**20.** (1) Menteri hendaklah melantik seorang Ketua Pegawai Eksekutif atas apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang difikirkannya wajar.

(2) Ketua Pegawai Eksekutif hendaklah bertanggungjawab bagi keseluruhan pentadbiran dan pengurusan fungsi, aktiviti dan hal ehwal hari ke hari Suruhanjaya.

(3) Ketua Pegawai Eksekutif hendaklah mempunyai kawalan am ke atas pekerja Suruhanjaya.

(4) Ketua Pegawai Eksekutif hendaklah melaksanakan apa-apa kewajipan lain sebagaimana yang diarahkan oleh Suruhanjaya dari semasa ke semasa.

(5) Dalam menunaikan kewajipannya, Ketua Pegawai Eksekutif hendaklah bertindak di bawah kuasa dan arahan am Suruhanjaya.

(6) Ketua Pegawai Eksekutif ialah seorang pekerja Suruhanjaya.

### **Penjalanan sementara fungsi Ketua Pegawai Eksekutif**

**21.** (1) Menteri boleh melantik secara sementara mana-mana pekerja Suruhanjaya untuk bertindak sebagai Ketua Pegawai Eksekutif selama tempoh apabila—

- (a) jawatan Ketua Pegawai Eksekutif kosong;
- (b) Ketua Pegawai Eksekutif tidak hadir bertugas atau tidak ada di Malaysia; atau
- (c) Ketua Pegawai Eksekutif, kerana apa-apa sebab lain, tidak dapat melaksanakan fungsinya.

(2) Sekiranya jawatan Ketua Pegawai Eksekutif kosong selama lebih daripada enam bulan, Menteri hendaklah melantik orang lain untuk menjadi Ketua Pegawai Eksekutif, dan dengan pelantikan itu, Ketua Pegawai Eksekutif sebelumnya hendaklah terhenti daripada memegang jawatan itu.

### **Pelantikan pekerja Suruhanjaya**

**22.** (1) Suruhanjaya boleh, dari semasa ke semasa, melantik dan mengambil kerja apa-apa bilangan pekerja yang difikirkannya perlu dan atas apa-apa terma yang difikirkannya sesuai bagi menjalankan maksud undang-undang persaingan.

(2) Suruhanjaya boleh, dengan kelulusan Menteri, menentukan syarat perkhidmatan pekerjanya.

**Pinjaman, biasiswa dan wang pendahuluan**

**23.** Suruhanjaya boleh memberikan pinjaman, biasiswa dan wang pendahuluan kepada pekerjaanya bagi apa-apa maksud dan atas apa-apa terma yang ditentukan oleh Suruhanjaya.

**Pembayaran faedah persaraan, dsb.**

**24.** Suruhanjaya boleh membuat perkiraan bagi pembayaran kepada pekerjaanya dan orang tanggungan mereka apa-apa faedah persaraan, pencen, ganjaran dan elaun lain yang ditentukan oleh Suruhanjaya.

**Suruhanjaya boleh menerima pakai peraturan-peraturan, dsb.**

**25.** Suruhanjaya boleh menerima pakai dengan apa-apa ubah suaian yang difikirkannya patut, apa-apa peraturan, kaedah, dasar, pekeliling dan arahan yang diperbuat atau dikeluarkan oleh Kerajaan Persekutuan berhubung dengan apa-apa perkara di bawah Bahagian ini.

**Perlindungan pegawai dan orang lain**

**26.** Tiada tindakan, guaman, pendakwaan atau prosiding boleh dimulakan dalam mana-mana mahkamah terhadap Suruhanjaya, pegawai Suruhanjaya atau mana-mana orang lain yang bertindak bagi pihak Suruhanjaya atau pegawai Suruhanjaya berkenaan dengan apa-apa perbuatan yang diarahkan supaya dilakukan atau dilakukan olehnya atas sifat sedemikian dengan syarat bahawa pada masa itu dia telah menjalankan fungsinya dengan suci hati.

BAHAGIAN V

KEWANGAN

**Kumpulan Wang**

**27.** (1) Suatu kumpulan wang yang dikenali sebagai “Kumpulan Wang Suruhanjaya Persaingan” ditubuhkan dan hendaklah ditadbirkan dan dikawal oleh Suruhanjaya.

- (2) Kumpulan Wang hendaklah terdiri daripada—
- (a) apa-apa wang yang diperuntukkan dari semasa ke semasa oleh Parlimen bagi maksud Akta ini;
  - (b) semua atau mana-mana bahagian fi, caj pentadbiran atau caj lain yang dikenakan oleh atau yang kena dibayar kepada Suruhanjaya di bawah Akta ini;
  - (c) semua wang yang diperolehi sebagai pendapatan daripada pelaburan yang dibuat oleh Suruhanjaya;
  - (d) semua wang yang diterima oleh Suruhanjaya melalui pemberian;
  - (e) semua wang yang diperolehi daripada penjualan, pelupusan, pemajakan atau penyewaan, atau apa-apa urusan niaga lain mengenai, apa-apa harta, gadai janji, gadaian atau debentur yang terletak hak pada atau yang diperolehi oleh Suruhanjaya;
  - (f) semua wang dan harta lain yang dengan apa-apa cara menjadi kena dibayar kepada atau terletak hak pada Suruhanjaya, berkenaan dengan apa-apa perkara yang bersampingan dengan fungsinya dan kuasanya;
  - (g) apa-apa kos yang dibayar kepada, atau didapatkan oleh, Suruhanjaya dalam apa-apa tindakan atau prosiding, sivil atau jenayah;
  - (h) wang yang dipinjam oleh Suruhanjaya di bawah seksyen 32; dan
  - (i) wang yang diterima dengan sah oleh Suruhanjaya, termasuklah bunga.

### **Perbelanjaan yang hendaklah dipertanggungkan pada Kumpulan Wang**

**28.** Kumpulan Wang hendaklah dibelanjakan bagi maksud yang berikut:

- (a) membayar apa-apa perbelanjaan yang dilakukan secara sah oleh Suruhanjaya;
- (b) membayar saraan, elaun dan perbelanjaan lain anggota Suruhanjaya, anggota jawatankuasa dan pekerja Suruhanjaya;

- (c) membayar apa-apa belanja, kos atau perbelanjaan lain berhubung dengan pemerolehan barang dan perkhidmatan, termasuk pengambilan khidmat perunding, fi dan kos guaman dan fi dan kos lain, yang dilakukan atau diterima dengan sepatutnya oleh Suruhanjaya dalam pelaksanaan fungsinya dan penjalanan kuasanya di bawah undang-undang persaingan;
- (d) membeli atau menyewa kelengkapan, jentera dan apa-apa bahan lain, memperoleh tanah dan apa-apa aset, dan membina bangunan, dan menjalankan apa-apa kerja dan pengusahaan lain dalam pelaksanaan fungsinya dan penjalanan kuasanya di bawah undang-undang persaingan;
- (e) membayar balik wang yang dipinjam dan bunga yang dikenakan ke atasnya;
- (f) memberikan pinjaman, biasiswa, wang pendahuluan, faedah persaraan, pencen, ganjaran dan faedah lain; dan
- (g) secara amnya, membayar apa-apa belanja bagi melaksanakan peruntukan undang-undang persaingan.

### **Pemeliharaan Kumpulan Wang**

**29.** Menjadi kewajipan Suruhanjaya untuk memelihara Kumpulan Wang dengan melaksanakan fungsinya dan menjalankan kuasanya di bawah Akta ini dengan sedemikian cara supaya dapat dipastikan bahawa jumlah hasil Suruhanjaya mencukupi untuk membayar semua jumlah wang yang boleh dipertanggungjawabkan dengan sepatutnya pada akaun hasilnya, termasuk susut nilai dan bunga atas modal, dari setahun ke setahun.

### **Perbelanjaan dan penyediaan anggaran**

**30.** (1) Perbelanjaan Suruhanjaya setakat apa-apa amaun yang dibenarkan oleh Menteri bagi mana-mana satu tahun hendaklah dibayar daripada Kumpulan Wang.

(2) Sebelum 1 September setiap tahun, Suruhanjaya hendaklah mengemukakan kepada Menteri suatu anggaran perbelanjaannya (termasuk perbelanjaan bagi program penyelidikan dan pembangunan) bagi tahun yang berikutnya dalam apa-apa bentuk dan yang mengandungi apa-apa butir sebagaimana yang diarahkan oleh Menteri.

(3) Menteri hendaklah, sebelum 1 Januari tahun yang berikutnya, memberitahu Suruhanjaya amaun yang dibenarkan bagi perbelanjaan secara amnya atau amaun yang dibenarkan bagi setiap perihalan perbelanjaan berdasarkan anggaran yang disediakan di bawah subseksyen (2).

(4) Suruhanjaya boleh, pada bila-bila masa, mengemukakan suatu anggaran perbelanjaan tambahan bagi mana-mana satu tahun kepada Menteri dan Menteri boleh membenarkan keseluruhan atau mana-mana bahagian perbelanjaan tambahan yang dimasukkan dalam anggaran perbelanjaan tambahan itu.

### **Akaun bank**

**31.** Suruhanjaya hendaklah membuka dan menyenggarakan akaun atau akaun-akaun dengan bank atau bank-bank di Malaysia sebagaimana yang difikirkan patut oleh Suruhanjaya, selepas berunding dengan Menteri; dan tiap-tiap akaun itu hendaklah dikendalikan, setakat yang dapat dilaksanakan, melalui cek yang ditandatangani oleh mana-mana orang atau orang-orang yang diberi kuasa oleh Suruhanjaya bagi maksud itu dari semasa ke semasa.

### **Kuasa untuk meminjam**

**32.** Suruhanjaya boleh, dari semasa ke semasa, meminjam dalam apa-apa bentuk dan pada apa-apa kadar bunga dan bagi apa-apa tempoh dan atas apa-apa terma tentang masa dan kaedah pembayaran balik dan selainnya, sebagaimana yang diluluskan oleh Menteri, dengan persetujuan Menteri Kewangan, apa-apa wang yang diperlukan oleh Suruhanjaya bagi memenuhi mana-mana obligasinya atau menunaikan mana-mana kewajipannya.

### **Pelaburan**

**33.** Wang Suruhanjaya hendaklah, setakat yang tidak diperlukan untuk dibelanjakan dengan segera oleh Suruhanjaya di bawah Akta ini, dilaburkan mengikut apa-apa cara yang diluluskan oleh Menteri, dengan persetujuan Menteri Kewangan.

### **Batasan untuk berkontrak**

**34.** Suruhanjaya tidak boleh, tanpa kelulusan Menteri dan persetujuan Menteri Kewangan, membuat apa-apa kontrak yang di bawahnya Suruhanjaya dikehendaki untuk membayar atau menerima suatu amaun yang melebihi sepuluh juta ringgit.

### **Tatacara kewangan**

**35.** Tertakluk kepada Akta ini dan kelulusan Menteri, Suruhanjaya hendaklah menentukan tatacara kewangannya sendiri.

### **Tahun kewangan**

**36.** Tahun kewangan Suruhanjaya hendaklah bermula pada 1 Januari dan berakhir pada 31 Disember setiap tahun.

### **Laporan tahunan**

**37.** Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 [*Akta 240*] hendaklah terpakai bagi Suruhanjaya.

## **BAHAGIAN VI**

### **AM**

### **Pelantikan dan kuasa pegawai Suruhanjaya**

**38.** (1) Suruhanjaya boleh melantik apa-apa bilangan pegawai Suruhanjaya yang difikirkannya perlu untuk menjalankan kuasa yang diperuntukkan di bawah undang-undang persaingan.

(2) Bagi maksud sesuatu penyiasatan di bawah undang-undang persaingan, Suruhanjaya boleh melantik pekerjaanya atau mana-mana orang lain untuk menjadi pegawai Suruhanjaya.

(3) Seseorang pegawai Suruhanjaya yang bukan pekerja Suruhanjaya hendaklah tertakluk kepada obligasi kerahsiaan di bawah seksyen 43, dan hendaklah menikmati perlindungan dan tanggung rugi sebagaimana yang dinyatakan dalam Akta ini atau undang-undang bertulis lain yang terpakai bagi seseorang pekerja Suruhanjaya, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(4) Seseorang pegawai Suruhanjaya hendaklah mempunyai segala kuasa yang perlu untuk menjalankan pemeriksaan dan penyiasatan tentang apa-apa kesalahan atau pelanggaran di bawah undang-undang persaingan.

### **Kerjasama dengan pihak berkuasa lain**

**39.** Menteri boleh memberikan arahan kepada Suruhanjaya mengenai perkiraan kerjasama antara Suruhanjaya dengan mana-mana pihak berkuasa lain di Malaysia atau dalam bidang kuasa asing atau mana-mana organisasi antarabangsa dan menentukan perkiraan bagi kerjasama sedemikian atau keanggotaan dalam organisasi antarabangsa.

### **Permulaan pendakwaan**

**40.** Tiada pendakwaan boleh dimulakan bagi apa-apa kesalahan di bawah undang-undang persaingan tanpa keizinan bertulis Pendakwa Raya.

### **Pekhidmat awam**

**41.** Semua anggota Suruhanjaya dan mana-mana jawatankuasa, dan semua pekerja, pegawai Suruhanjaya, ejen dan perunding Suruhanjaya, semasa menunaikan kewajipan mereka di bawah Akta ini sebagai anggota, pekerja, Pegawai Suruhanjaya, ejen atau perunding sedemikian, hendaklah disifatkan sebagai pekhidmat awam mengikut pengertian Kanun Keseksaan [*Akta 574*].

### **Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948**

**42.** Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948 [*Akta 198*] hendaklah terpakai bagi apa-apa tindakan, guaman, pendakwaan atau prosiding terhadap Suruhanjaya atau terhadap mana-mana anggota Suruhanjaya, mana-mana anggota jawatankuasa, dan pekerja atau ejen Suruhanjaya berkenaan dengan apa-apa perbuatan, pengabaian atau keingkaran yang dibuat atau dilakukan olehnya dengan suci hati atau apa-apa peninggalan olehnya dengan suci hati, dalam sifatnya yang sedemikian.

**Obligasi kerahsiaan**

**43.** (1) Kecuali bagi mana-mana maksud Akta ini atau bagi maksud apa-apa prosiding sivil atau jenayah di bawah mana-mana undang-undang bertulis atau jika selainnya dibenarkan oleh Suruhanjaya—

- (a) tiada anggota Suruhanjaya atau mana-mana jawatankuasanya atau mana-mana pekerja atau ejen Suruhanjaya atau mana-mana orang yang menghadiri mana-mana mesyuarat Suruhanjaya atau mana-mana jawatankuasanya, sama ada semasa atau selepas tempoh memegang jawatan atau tempoh pekerjaannya, boleh menzahirkan apa-apa maklumat yang didapatinya dalam perjalanan kewajibannya dan yang tidak disiarkan menurut undang-undang persaingan; dan
- (b) tiada seorang lain pun yang melalui apa-apa cara mempunyai akses kepada apa-apa maklumat atau dokumen yang berhubungan dengan hal ehwal Suruhanjaya boleh menzahirkan maklumat atau dokumen itu.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

**Pewakilan dalam prosiding sivil**

**44.** Walau apa pun mana-mana undang-undang bertulis yang lain—

- (a) dalam mana-mana prosiding sivil oleh atau terhadap Suruhanjaya;
- (b) dalam mana-mana prosiding sivil terhadap mana-mana pekerja atau pegawai Suruhanjaya berhubung dengan pelaksanaan fungsinya di bawah undang-undang persaingan; atau
- (c) dalam mana-mana prosiding sivil yang lain yang dalamnya Suruhanjaya dikehendaki atau dibenarkan oleh mahkamah untuk diwakili, atau untuk didengar, atau selainnya berhak untuk diwakili atau didengar,

mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Suruhanjaya bagi maksud itu boleh, bagi pihak Suruhanjaya, atau pekerja itu atau pegawai Suruhanjaya, memulakan prosiding sedemikian atau hadir dalam prosiding itu dan boleh membuat semua kehadiran dan permohonan dan melakukan semua perbuatan berkenaan dengan prosiding itu bagi pihak Suruhanjaya.

### **Kuasa untuk mengambil kerja**

**45.** Suruhanjaya boleh mengambil kerja dan membayar ejen dan penasihat teknikal, termasuklah peguam bela dan peguam cara, jurubank, perunding dan orang lain, untuk membuat apa-apa urusan atau untuk melakukan apa-apa perbuatan yang dikehendaki supaya diuruskan atau dilakukan pada melaksanakan fungsinya, atau menjalankan kuasanya atau bagi melaksanakan maksud Akta ini dengan lebih baik.

### **Perkara yang dilakukan pada menjangkakan Akta ini diperbuat**

**46.** Segala benda yang dilakukan oleh mana-mana orang atau pihak berkuasa bagi pihak Suruhanjaya sebagai persediaan dan ke arah pelaksanaan atau pentadbiran yang sepatutnya Akta ini, dan apa-apa perbelanjaan yang dilakukan berhubungan dengannya, pada menjangkakan pembuatan Akta ini hendaklah disifatkan telah dibenarkan oleh Akta ini, dan segala hak yang diperoleh atau obligasi yang ditanggung bagi pihak Suruhanjaya daripada apa-apa jua yang dilakukan sedemikian hendaklah apabila Akta ini mula berkuat kuasa disifatkan sebagai hak dan obligasi Suruhanjaya.

### **Kaedah penyiaran**

**47.** (1) Jika Suruhanjaya diberi kuasa untuk menyiarkan, atau dikehendaki untuk menyiarkan, suatu arahan, garis panduan, penarikbalikan, pelepasan, penamaan atau keputusan atau dokumen lain di bawah undang-undang persaingan, penyiaran itu bolehlah melalui kaedah elektronik mengikut apa-apa cara yang menjadikannya boleh diakses dengan munasabah oleh mana-mana orang yang berhasrat untuk melihatnya, dan penyiaran sesuatu dokumen melalui kaedah itu hendaklah mempunyai kuat kuasa bagi semua maksud di bawah Akta ini.

(2) Bagi maksud seksyen ini, “elektronik” ertinya teknologi yang menggunakan elektrik, optik, magnet, elektromagnet, biometrik, fotonik atau teknologi lain sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya.

#### JADUAL

[Seksyen 6]

#### **Masa dan tempat mesyuarat**

1. (1) Suruhanjaya hendaklah mengadakan seberapa banyak mesyuarat yang perlu bagi melaksanakan fungsinya dengan cekap dan mesyuarat itu hendaklah diadakan di mana-mana tempat dan pada bila-bila masa yang diputuskan oleh Pengerusi, dengan syarat bahawa Pengerusi tidak boleh membenarkan lebih daripada tiga bulan berlalu antara mesyuarat.

(2) Notis bertulis sekurang-kurangnya empat belas hari hendaklah diberikan kepada anggota.

(3) Pengerusi hendaklah mempengerusikan mesyuarat Suruhanjaya.

#### **Kuorum**

2. Pengerusi dan sekurang-kurangnya setengah daripada anggota Suruhanjaya yang lain hendaklah membentuk kuorum pada mana-mana mesyuarat Suruhanjaya.

#### **Undi pemutus**

3. (1) Tiap-tiap anggota Suruhanjaya yang hadir berhak kepada satu undi.

(2) Jika atas apa-apa persoalan untuk ditentukan oleh Suruhanjaya terdapat persamaan undi, Pengerusi hendaklah mempunyai undi pemutus di samping undi biasanya.

#### **Suruhanjaya boleh mengundang orang lain untuk menghadiri mesyuarat**

4. (1) Suruhanjaya boleh mengundang mana-mana orang untuk menghadiri mana-mana mesyuarat atau pertimbangtelitian Suruhanjaya bagi maksud menasihatinya tentang apa-apa perkara yang sedang dibincangkan, tetapi mana-mana orang yang hadir sedemikian tidak berhak untuk mengundi pada mesyuarat atau pertimbangtelitian itu.

(2) Seseorang yang diundang di bawah subperenggan (1) hendaklah dibayar apa-apa elaun sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya.

**Ketetapan tanpa bermesyuarat**

5. (1) Sesuatu ketetapan dikira sebagai telah diluluskan pada sesuatu mesyuarat Suruhanjaya jika—

- (a) semua anggota Suruhanjaya telah dimaklumkan tentang ketetapan yang dicadangkan itu, atau usaha yang munasabah telah dibuat untuk memaklumkan semua anggota Suruhanjaya tentang ketetapan yang dicadangkan itu; dan
- (b) tanpa bermesyuarat, majoriti anggota Suruhanjaya menandakan persetujuan tentang ketetapan itu mengikut kaedah yang ditentukan oleh Suruhanjaya di bawah subperenggan (2).

(2) Subperenggan (1) terpakai hanya jika Suruhanjaya—

- (a) memutuskan bahawa subperenggan itu terpakai; dan
- (b) memutuskan kaedah yang dengannya anggota Suruhanjaya boleh menandakan persetujuan tentang ketetapan.

**Minit**

6. (1) Suruhanjaya hendaklah menyebabkan supaya—

- (a) minit kesemua mesyuaratnya disenggarakan dan disimpan; dan
- (b) salinan minit semua mesyuaratnya dikemukakan kepada Suruhanjaya dengan seberapa segera yang dapat dilaksanakan.

(2) Minit yang dibuat mengenai mesyuarat Suruhanjaya, jika ditandatangani dengan sewajarnya, hendaklah, dalam mana-mana prosiding undang-undang, diterima sebagai keterangan *prima facie* mengenai fakta yang dinyatakan dalam minit itu tanpa bukti selanjutnya.

(3) Tiap-tiap mesyuarat Suruhanjaya yang minit berkenaan dengannya telah dibuat mengikut subperenggan (1) dan (2) hendaklah disifatkan telah dipanggil dan diadakan dengan sewajarnya dan semua anggota pada mesyuarat itu layak dengan sewajarnya untuk bertindak.

**Tatacara**

7. Suruhanjaya boleh mengawal selia tatacaranya sendiri.

**Kesahan perbuatan dan prosiding**

8. Tiada perbuatan yang dilakukan atau prosiding yang diambil di bawah Akta ini boleh dipersoalkan atas alasan bahawa—

- (a) terdapat apa-apa kekosongan dalam keanggotaan, atau terdapat apa-apa kecacatan dalam penubuhan, Suruhanjaya;
- (b) terdapat pelanggaran peruntukan seksyen 15 Akta oleh mana-mana anggota Suruhanjaya; atau

- (c) terdapat apa-apa peninggalan, kecacatan atau ketidakteraturan yang tidak menyentuh merit kes itu.

**Anggota hendaklah menumpukan masa kepada urusan Suruhanjaya**

9. Anggota Suruhanjaya hendaklah menumpukan masa kepada urusan Suruhanjaya sebagaimana yang perlu untuk menunaikan kewajipan mereka dengan berkesan.

---

HURAIAN

Rang Undang-Undang Suruhanjaya Persaingan 2010 (“Akta yang dicadangkan”) bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi penubuhan suatu pertubuhan perbadanan dengan nama Suruhanjaya Persaingan (“Suruhanjaya”) dan untuk memperuntukkan bagi fungsi dan kuasanya dan perkara lain yang berkaitan dengannya.

BAHAGIAN I

2. Bahagian I Akta yang dicadangkan memperkatakan perkara permulaan.

*Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas Akta dan bertujuan untuk membenarkan Menteri untuk menetapkan tarikh permulaan kuat kuasa Akta.

*Fasal 2* mengandungi takrif ungkapan tertentu yang digunakan dalam Akta.

BAHAGIAN II

3. Bahagian II Akta yang dicadangkan memperkatakan penubuhan dan fungsi Suruhanjaya.

*Fasal 3* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi penubuhan Suruhanjaya.

*Fasal 4* membenarkan Suruhanjaya untuk mempunyai meterai perbadanan.

*Fasal 5* mengandungi peruntukan tentang keanggotaan Suruhanjaya.

*Fasal 6* mengadakan peruntukan bagi tatacara yang perlu dipatuhi oleh Suruhanjaya yang dinyatakan dalam Jadual.

*Fasal 7* menghendaki seseorang anggota Suruhanjaya untuk membuat akuan berkanun tentang kepentingannya apa-apa pengusahaan komersial atau perdagangan.

*Fasal 8* menghendaki Pengerusi Suruhanjaya supaya mendapatkan kelulusan Menteri terlebih dahulu sebelum memegang apa-apa jawatan lain.

*Fasal 9* mengandungi peruntukan tentang tempoh jawatan anggota Suruhanjaya.

*Fasal 10* mengadakan peruntukan bagi pembayaran saraan dan elaun kepada anggota Suruhanjaya.

*Fasal 11* mengadakan peruntukan bagi pembatalan pelantikan anggota Suruhanjaya dan peletakan jawatan mereka.

*Fasal 12* menghuraikan hal keadaan yang dalamnya jawatan seseorang anggota Suruhanjaya menjadi kosong.

*Fasal 13* memberi Menteri kuasa untuk melantik secara sementara mana-mana anggota Suruhanjaya, selain Ketua Pegawai Eksekutif, untuk menjalankan fungsi Pengerusi apabila jawatan Pengerusi kosong atau apabila Pengerusi tidak hadir atau tidak dapat melaksanakan fungsinya.

*Fasal 14* memberi Suruhanjaya kuasa untuk menubuhkan jawatankuasa untuk membantunya.

*Fasal 15* menghendaki seseorang anggota Suruhanjaya atau mana-mana jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Suruhanjaya supaya menzahirkan kepentingannya dalam apa-apa perkara di bawah perbincangan Suruhanjaya atau jawatankuasa. Ketidakhadiran menjadi suatu kesalahan dan adalah tertakluk kepada penalti.

### BAHAGIAN III

4. Bahagian III Akta yang dicadangkan memperkatakan fungsi dan kuasa Suruhanjaya.

*Fasal 16 dan 17* menyatakan fungsi dan kuasa Suruhanjaya.

*Fasal 18* memberi Menteri kuasa untuk mengeluarkan arahan kepada Suruhanjaya.

*Fasal 19* mengenakan kewajipan ke atas Suruhanjaya untuk memberikan penyata, laporan, akaun dan maklumat kepada Menteri atau mana-mana pihak berkuasa awam.

### BAHAGIAN IV

5. Bahagian IV Akta yang dicadangkan terdiri daripada peruntukan yang memperkatakan pekerja Suruhanjaya.

*Fasal 20* menyatakan kewajipan Ketua Pegawai Eksekutif Suruhanjaya.

*Fasal 21* memberi Menteri kuasa untuk melantik secara sementara mana-mana pegawai Suruhanjaya untuk menjalankan kewajipan Ketua Pegawai Eksekutif jika jawatan Ketua Pegawai Eksekutif kosong atau apabila Ketua Pegawai Eksekutif tidak hadir atau tidak dapat melaksanakan fungsinya.

*Fasal 22* mengadakan peruntukan bagi pelantikan pekerja Suruhanjaya dan syarat perkhidmatan pekerja itu.

*Fasal 23 dan 24* membenarkan Suruhanjaya untuk memberikan pinjaman, biasiswa dan wang pendahuluan kepada pekerja dan membuat perkiraan bagi pembayaran faedah persaraan, pencen, ganjaran dan elaun lain kepada mereka dan tanggungan mereka.

*Fasal 25* membenarkan Suruhanjaya untuk menerima pakai peraturan-peraturan, dsb., yang dikeluarkan oleh Kerajaan Persekutuan berhubung dengan pekerja Suruhanjaya.

*Fasal 26* bertujuan untuk melindungi Suruhanjaya, pegawai Suruhanjaya atau mana-mana orang lain berkenaan dengan apa-apa perbuatan yang diarahkan atau dilakukan olehnya atas sifat sedemikian dengan syarat bahawa pada masa itu dia telah menjalankan fungsinya dengan suci hati.

#### BAHAGIAN V

6. Bahagian V Akta yang dicadangkan terdiri daripada peruntukan kewangan.

*Fasal 27* memperuntukkan penubuhan “Kumpulan Wang Suruhanjaya Persaingan”.

*Fasal 28* menyatakan perbelanjaan yang boleh dipertanggungkan pada Kumpulan Wang.

*Fasal 29* meletakkan kewajipan pada Suruhanjaya untuk memelihara Kumpulan Wang.

*Fasal 30* menghendaki Suruhanjaya supaya menyediakan suatu anggaran perbelanjaannya.

*Fasal 31* membenarkan Suruhanjaya untuk membuka dan menyenggarakan akaun bank.

*Fasal 32* membolehkan Suruhanjaya untuk meminjam wang.

*Fasal 33* membenarkan Suruhanjaya untuk melaburkan wang Suruhanjaya dengan kelulusan Menteri Kewangan.

*Fasal 34* menghendaki Suruhanjaya supaya mendapatkan kelulusan Menteri dengan persetujuan Menteri Kewangan sebelum membuat kontrak yang di bawahnya Suruhanjaya perlu membayar atau menerima suatu amaun yang melebihi sepuluh juta ringgit.

*Fasal 35* membenarkan Suruhanjaya untuk menentukan tatacara kewangannya sendiri.

*Fasal 36* menyatakan bahawa tahun kewangan Suruhanjaya hendaklah bermula pada 1 Januari dan berakhir pada 31 Disember setiap tahun.

*Fasal 37* memperuntukkan bahawa Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 hendaklah terpakai bagi Suruhanjaya.

#### BAHAGIAN VI

7. Bahagian VI Akta yang dicadangkan mengandungi peruntukan am.

*Fasal 38* memperkatakan pelantikan dan kuasa pegawai Suruhanjaya.

*Fasal 39* membenarkan Menteri untuk memberikan arahan kepada Suruhanjaya mengenai perkiraan kerjasama antara Suruhanjaya dengan mana-mana pihak berkuasa lain di Malaysia atau dalam bidang kuasa asing, atau mana-mana organisasi antarabangsa.

*Fasal 40* memperkatakan pendakwaan kesalahan di bawah Akta.

*Fasal 41* menyatakan bahawa anggota Suruhanjaya, anggota jawatankuasa, pekerja, pegawai Suruhanjaya, ejen dan perunding Suruhanjaya disifatkan sebagai pekhidmat awam mengikuti pengertian Kanun Keseksaan.

*Fasal 42* memperuntukkan bahawa Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948 terpakai bagi anggota Suruhanjaya dan jawatankuasa, dan pekerja dan ejen Suruhanjaya.

*Fasal 43* melarang penzahiran maklumat yang berhubungan dengan hal ehwal Suruhanjaya kecuali di bawah hal keadaan tertentu.

*Fasal 44* memperkatakan perwakilan dalam prosiding sivil.

*Fasal 45* memberi Suruhanjaya kuasa untuk mengambil kerja penasihat teknikal dan perunding lain.

*Fasal 46* mengadakan peruntukan bagi perkara yang dibuat pada menjangkakan pembuatan Akta yang dicadangkan.

*Fasal 47* membolehkan Suruhanjaya untuk menyiarkan apa-apa arahan, garis panduan, penarikbalikan, pelepasan, penamaan atau keputusan atau dokumen lain melalui kaedah elektronik.

#### IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan yang amaunnya tidak dapat ditentukan sekarang ini.